



KEW.PA-27

No. Sebutharga : FAMA/PELUPUSAN 12/2022

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Pejabat FAMA Negeri Johor,
Lot 6313, Jalan Taruka Off Jalan Datin Halimah,
Peti Surat 25,
80700 Johor Bahru, Johor.

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat** atau **orang perseorangan** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL	NOMBOR PENDAFTARAN	JENIS MODEL	JENIS ASET	LOKASI	TAHUN BELI	NILAI RIZAB (RM)
i	WMP 6258	MITSUBISHI	TRUCK (LORI)	PUSAT OPERASI FAMA BATU PAHAT	2005	4,500.00
ii	WMR 2791	MITSUBISHI	TRUCK (LORI)	PUSAT MEMPROSES MAKANAN FAMA RENGIT	2005	4,000.00
iii	WJV 8024	HICOM	MTB 150 (LORI)	PUSAT MEMPROSES MAKANAN FAMA RENGIT	2002	3,500.00
iv	JJX 4595	HICOM	MTB 170 (LORI)	PEJABAT FAMA DAERAH KLUANG	2006	4,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **01 OGOS 2022 (Isnin) hingga 08 OGOS 2022 (Isnin)** hari bekerja di antara jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang di lokasi yang berkaitan.
3. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (**KEW.PA 28**) yang boleh didapati secara percuma pada waktu pejabat di **Pejabat FAMA Negeri Johor, Lot 6313, Jalan Taruka Off Jalan Datin Halimah, Peti Surat 25, 80700 Johor Bahru, Johor** dan lama web FAMA di alamat <http://www.fama.gov.my> .Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari. Butir-butir lanjut boleh didapati melalui No. Telefon **07-2313600** sambungan **Unit Kejuruteraan**.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri (gam) dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 12/2022** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat:-

Pejabat FAMA Negeri Johor,
Lot 6313, Jalan Taruka Off Jalan Datin Halimah,
Peti Surat 25,
80700 Johor Bahru, Johor.

5. **Tarikh tutup** sebutharga pada **08 OGOS 2022 (Ahad) jam 12.00 tengahari**. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Saya yang menjalankan amanah,



(AZIZI AZIMI BIN MAT NAYAN)
MK. Pengarah FAMA Negeri Johor
b/p Ketua Pengarah
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga rizab.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman draf bank sahaja atas nama **FAMA WANG MENGURUS.**
3. Wang Proses sebanyak **RM50.00** adalah diwajibkan dan tidak akan dikembalikan.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
10. Bagi penyebutharga yang tidak berjaya, wang deposit akan dikembalikan.

11. Lembaga tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang tertinggi ataupun sebarang tawaran sebutharga.
12. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat **berlakri (gam)** dan ditanda No. Sebutharga **FAMA/PELUPUSAN 12/2022** di penjuru atas sebelah kiri sampul surat.
13. Pegawai dan Kakitangan dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) **TIDAK DIBENARKAN** menyertai tender ini kerana mungkin wujudnya kepentingan persendirian atau kepentingan terletak hak. (Rujuk Tatacara Pengurusan Aset FAMA).



KEW. PA-28

BORANG SEBUTHARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Nama Individu/Syarikat : _____

No. Kad Pengenalan/Pendaftaran Syarikat : _____

Alamat:

Kepada:

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan,
Pejabat FAMA Negeri Johor,
Lot 6313, Jalan Taruka Off Jalan Datin Halimah,
Peti Surat 25, 80700 Johor Bahru, Johor.

Tuan,

Tawaran Untuk Sebutharga FAMA/PELUPUSAN 12/2022

Merujuk kepada perkara di atas, saya/syarikat berminat menyertai sebutharga tersebut.

2. Tawaran saya/syarikat adalah seperti berikut:

BIL.	NOMBOR DAFTAR	JENIS MODEL	JENIS ASET	LOKASI	HARGA RIZAB (RM)	HARGA TAWARAN (RM)	DEPOSIT (RM)
i	WMP 6258	MITSUBISHI	TRUCK (LORI)	PUSAT OPERASI FAMA BATU PAHAT	4,500.00		
ii	WMR 2791	MITSUBISHI	TRUCK (LORI)	PUSAT MEMPROSES MAKANAN FAMA RENGIT	4,000.00		
iii	WJV 8024	HICOM	MTB 150 (LORI)	PUSAT MEMPROSES MAKANAN FAMA RENGIT	3,500.00		
iv	JJX 4595	HICOM	MTB 170 (LORI)	PEJABAT FAMA DAERAH KLUANG	4,000.00		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutharga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM_____ (Ringgit Malaysia _____) dan wang proses sebanyak RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) dalam bentuk kiriman draf bank no. _____ atas nama **FAMA WANG MENGURUS.**

4. Saya/syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan

Nama/Cop Syarikat

No. Telefon

E-Mel

Nama Bank

No. Akaun

Alamat

Tarikh
